

 <small>A subsidiary of Tenaga Nasional</small>	Jenis Dokumen: <b>DASAR</b>	Prosedur / Tajuk: <b>DASAR PEMBERIAN MAKLUMAT</b>	Nombor Dokumen: TNB Genco ABMS-004	
	Pemilik dokumen:  <b>COMPLIANCE &amp; RISK MANAGEMENT DEPARTMENT TNB POWER GENERATION SDN. BHD.</b>		Semakan:	<b>1</b>
			Tarikh diterbitkan:	<b>04 Sept 2023</b>

**TNB POWER GENERATION SDN. BHD**

**TNB POWER GENERATION SDN. BHD.**

**129 Jalan Bangsar,**

**P.O. Box 11003**

**50732 Kuala Lumpur, Malaysia**

**TAJUK:**

**DASAR PEMBERIAN MAKLUMAT**

Nombor Dokumen:

GENCO ABMS-004

<b>Nombor Semakan</b>	<b>Perkara</b>	<b>Oleh</b>	<b>Disahkan oleh</b>	<b>Diluluskan oleh</b>
0	Penyediaan dasar	CRMD-CF	CRMD	BARC
1	Semakan pertama	CRMD-CF	CRMD	BARC

## Kandungan

1. Latar belakang.....	3
2. Objektif.....	3
3. Skop.....	3
4. Rujukan .....	4
5. Takrif .....	4
6. Pemilik dasar .....	7
7. Dasar .....	7
8. Keutamaan dasar .....	10
9. Hukuman bagi ketidakpatuhan.....	10
10. Penepian .....	10
11. Semakan & Pemeriksaan .....	11

## **1. Latar belakang**

Selaras dengan amalan integriti dan tadbir urus korporat yang baik, TNB Genco berhasrat untuk memastikan pihak dalam dan pihak luar yang bekerja dengan syarikat mempunyai saluran untuk menyuarakan kebimbangan tentang perbuatan tidak wajar yang mungkin dilakukan dalam perlakuan perniagaan dengan cara yang selamat dan sulit.

Oleh itu, dasar dan prosedur pemberian maklumat bertujuan menyediakan platform dan mekanisme dalaman untuk Kakitangan TNB Genco dan pihak luar melaporkan maklumat berkaitan dengan amalan salah, salah laku, aktiviti haram dan pengabaian yang bertentangan dengan peraturan syarikat, peraturan dan keperluan undang-undang industri yang mungkin dilakukan oleh Kakitangan TNB Genco.

## **2. Objektif**

2.1 Dasar ini bertujuan:

- a) menggalakkan dan membolehkan seseorang melaporkan, secara jujur atau berdasarkan kepercayaan yang munasabah, apa-apa cubaan amalan salah, amalan salah yang disyaki dan yang sebenar berkaitan dengan operasi dan pengurusan TNB Genco, kepada CRMD atau kakitangan lain yang berkenaan, dengan yakin dan tanpa rasa takut terhadap tindakan balas;
- b) memaklumkan CRMD tentang kelemahan yang dikenal pasti dalam TNB Genco Anti Bribery Management System (TNB Genco ABMS);
- c) membina dan memperkukuh budaya ketelusan dan kepercayaan dalam organisasi dan dengan pihak berkepentingan luar.

## **3. Skop**

3.1 Dasar ini terpakai kepada:

- a) TNB Genco, BOD dan Kakitangan TNB Genco, serta Organisasi Kawalannya, BOD dan kakitangannya (secara bersama, TNB Genco atau Kumpulan TNB Genco); juga BOD dan kakitangan bagi Sekutu Perniagaan apabila mereka bertindak bagi pihak TNB Genco.
- b) Penyedia luar TNB Genco (pembekal, perunding, kontraktor dan lain-lain)
- c) Pelanggan TNB Genco
- d) Pihak berkepentingan TNB Genco yang lain

3.2 Dasar pemberian maklumat merangkumi amalan salah yang mungkin berlaku dan amalan salah yang sebenar berkaitan dengan operasi dan pengurusan TNB Genco. Contohnya termasuklah:

- a) Sogokan
- b) Fraud
- c) Kecurian atau penggelapan wang
- d) Konflik kepentingan
- e) Rasuah (salah guna kuasa)
- f) Kesalahan jenayah
- g) Kegagalan mematuhi peraturan, arahan dan prosedur TNB Genco
- h) Kegagalan mematuhi obligasi undang-undang atau kawal selia
- i) Salah guna harta TNB Genco
- j) Salah laksana keadilan

- k) Membahayakan kesihatan dan keselamatan individu
- l) Membahayakan alam sekitar
- m) Menyembunyikan apa-apa perbuatan di atas

#### 4. Rujukan

- a) Piawaian Antrabangsa ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS)
- b) Dasar Antisogokan TNB Genco
- c) Kod Etika TNB Genco
- d) Dasar Konflik kepentingan TNB Genco
- e) Dasar Hadiah, Hospitaliti dan Manfaat Berkaitan TNB Genco
- f) Dasar Pakatan Integriti TNB
- g) Dasar Pemberian Maklumat TNB Genco
- h) Manual IMS TNB Genco (Genco IMS-HQ-Manual)
- i) TCIMS (Sistem Pengurusan Integriti Korporat TNB)
- j) Bidang Tugas Jawatankuasa Lembaga Audit dan Risiko
- k) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

#### 5. Takrif

Takrif yang berikut terdapat dalam dasar ini. Bagi takrif tambahan, lihat Glosari TCIMS.

BARC	Lembaga Jawatankuasa Audit dan Risiko
BOD	Lembaga Pengarah TNB Genco dan Lembaga Organisasi Kawalannya
Sogokan	<p>Sogokan ditakrifkan sebagai apa-apa tindakan yang boleh dianggap sebagai kesalahan memberikan atau menerima 'suapan' di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM). Dari segi amalannya, sogokan bermaksud menawarkan, memberikan, menerima atau meminta sesuatu yang bernilaidalam cubaan untuk mempengaruhi, secara tidak jujur, keputusan atau tindakan seseorang yang memegang jawatan beramanah dalam organisasi.</p> <p>'Suapan' ditakrifkan dalam ASPRM dengan maksud yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;</li> <li>2. apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;</li> <li>3. apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apaapa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;</li> <li>4. apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;</li> <li>5. apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;</li> </ol>

	<p>6. apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhawatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan</p> <p>7. apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a)hingga(f).</p> <p>Sogokan boleh bersifat 'ke luar',apabila seseorang yang bertindak bagi pihak TNB Genco cuba mempengaruhi tindakan seseorang di pihak luar, seperti pegawai kerajaan atau pembuat keputusan di pihak klien. Sogokan juga boleh bersifat 'ke dalam',apabila pihak luar cuba mempengaruhi seseorang dalam Kumpulan TNB Genco seperti pembuat keputusan kanan atau seseorang yang mempunyai akses kepada maklumat sulit.</p>
CF	Unit Compliance Function, Jabatan Compliance & Risk Management
Organisasi Kawalan	Entiti yang TNB Genco mempunyai kuasa membuat keputusan ke atasnya yang memberikan TNB Genco hak untuk melantik dan menyingkirkan pengurusan. Keadaan ini biasanya berlaku apabila TNB Genco mempunyai kepentingan mengawal (memiliki >50% syer mengundi) tetapi juga boleh berlaku apabila terdapat perjanjian bahawa TNB Genco berhak melantik pengurusan, contohnya usaha sama yang TNB Genco memiliki peruntukan syer mengundi terbesar (tetapi masih <50%).
Hadiah Korporat	Sesuatu yang diberikan oleh satu organisasi kepada organisasi yang lain, dengan wakil setiap organisasi memberikan dan menerima hadiah. Hadiah korporat juga termasuk barang promosi yang diberikan secara sama rata kepada orang awam dalam sesuatu acara, pertunjukan dan pameran perdagangan sebagai sebahagian daripadapembinaan jenama syarikat. Hadiah tersebut diberikan secara telus dan terbuka. Hadiah korporat biasanya mempunyai nama dan logo syarikat. Contoh hadiah korporat termasuklah barang seperti diari, kalendar meja, pen, buku catatan, plak dan hadiah perayaan seperti hamper, buah limau dan kurma. <b>Lihat juga Hadiah Peribadi di bawah.</b>
Rasuah	Takrif oleh Badan Ketelusan Antarabangsa digunakan untuk TCIMS:'Penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan untuk kepentinganperibadi'.Lihat takrif 'sogokan', iaitu istilah yang sering digunakan dalam GENCO ABMS.
CSD	Jabatan Perkhidmatan Korporat, TNB Genco
IO	Pegawai Integriti TNB Genco
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Pengurus	Penyelia terdekat seseorang.
Hadiah Peribadi	Sesuatu yang diberikan olehseorang individu kepada individu yang lain dengan niat untuk mewujudkan atau mengukuhkan hubungan peribadi. Hadiah diberikan secara persendirian, tanpa pengetahuan atau kelulusan pengurusan syarikat salah satu pihak atau kedua-dua pihak. Hadiah

	peribadi boleh berbentuk wang tunai, kesetaraan tunai seperti kad kredit, bitcoin atau akaun simpanan, barang elektronik, jam tangan, pen mewah, harta, kenderaan, tambang percuma, saham, pinjaman tanpa faedah, tiket loteri, kemudahan perjalanan, keraian, perkhidmatan, keahlian kelab, apa-apa bentuk diskaun atau komisen, barang kemas, perhiasan, cenderamata, baucar atau apa-apa barang berharga yang lain. <b>Lihat juga <i>Hadiah Korporat di atas.</i></b>
Tindakan balas	Salah satu kejadian yang berikut atau lebih: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Gangguan terhadap pekerjaan atau mata pencarian sah seseorang, termasuk diskriminasi, pemecatan, penurunan pangkat, penggantungan kerja, keadaan yang merugikan, penamatan atau layanan buruk berhubung dengan pekerjaan, kerjaya, profesion, perdagangan atau perniagaan pengadu atau pengambilan tindakan tatatertib.</li> <li>2. Penahanan bayaran yang genap masa dan kena dibayar di bawah sesuatu kontrak.</li> <li>3. Keengganan untuk mengikat kontrak yang berikutnya.</li> <li>4. Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kerugian atau kerosakan.</li> <li>5. Ugutan atau gangguan.</li> <li>6. Ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan di atas.</li> </ol>
Pihak berkepentingan	Individu atau kumpulan yang berkaitan dengan, atau terlibat dengan dasar dan amalan syarikat, termasuk tetapi tidak terhad kepada kakitangan, pelanggan, badan dan pihak kerajaan, pelabur, rakan usaha sama, komuniti yang TNB Genco mempunyai kepentingan, pembekal dan kontraktor.
TCIMS	Sistem Pengurusan Integriti Korporat TNB
Kakitangan TNB Genco	Semua individu yang mempunyai ikatan kontrak secara langsung dengan syarikat dan organisasi kawalannya atas dasar pekerjaan, termasuk pekerja dan pengarah tetap dan sementara.
Pengurusan Tertinggi TNB Genco	Pengarah Urusan, Ketua Pegawai Operasi dan Ketua Jabatan
TNB Genco	TNB Power Generation Sdn .Bhd. dan Organisasi Kawalannya
WBIS	Sistem Infomasi Pemberian Maklumat
Pemberi maklumat	Orang yang mendedahkan maklumat tentang seseorang atau organisasi yang terlibat atau disyaki terlibat dengan amalan salah.
Pemberian maklumat	Pendedahan oleh seseorang, biasanya kakitangan syarikat, kepada seseorang dalam syarikat dengan jawatanyang diberi kuasa dan/atau yang telah dilantik untuk menerima pendedahan tersebut, atau pihak berkuasa Kerajaan, atau media, bagi cubaan amalan salah, amalan salah yang disyaki dan yang sebenar.

## 6. Pemilik dasar

CRMD ialah pemilik dasar ini.

## 7. Dasar

### 7.1 Pelaporan dan Penyiasatan

- a) TNB Genco hendaklah menyediakan peruntukan untuk pelaporan sogokan dan bentuk salah laku lain melalui saluran selamat yang telah ditetapkan, yang disediakan untuk pihak dalam dan luar.
- b) Kakitangan TNB Genco boleh melaporkan kebimbangan mereka kepada pengurus, Jabatan Perkhidmatan Korporat, wakil kesatuan atau orang lain yang diamanahkan yang diberi kuasa. Dalam kes tersebut, apabila laporan itu boleh disahkan atau hal tersebut bersifat serius, orang yang menerima maklumat hendaklah mengesyorkan pendedah maklumat supaya melaporkannya kepada CRMD yang akan membantu mereka dalam hal ini.
- c) Laporan kepada CRMD dan Jabatan Integriti TNB (TNB JI) boleh dibuat melalui saluran yang berikut:
  - i. Panggilan telefon ke nombor yang telah ditetapkan (waktu bekerja sahaja) - TNB JI
  - ii. Berjumpa secara terus di Jabatan Integriti (waktu bekerja sahaja)
  - iii. Emel
  - iv. Whistleblowing Information System (WBIS) – TNB JI
  - v. Surat
  - vi. Melalui agensi penguatkuasaan luar
  - vii. Melalui pegawai yang dilantik – TNB JI
- d) Laporan boleh dibuat dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Laporan yang dihantar dalam bahasa lain boleh diterjemahkan oleh CRMD untuk diproses.
- e) Syarikat tidak menggalakkan laporan daripada sumber tanpa nama. Pendedah maklumat dikehendaki memberikan maklumat diri termasuk nama, nombor telefon dan/atau e-mel yang boleh dihubungi untuk tindakan susulan, mendapatkan maklumat lanjut jika diperlukan dan bagi memastikan pendedah maklumat sentiasa maklum. Mana-mana laporan tanpa nama mestilah disalurkan kepada CRMD. TNB Genco berhak untuk menutup laporan tanpa nama tanpa mengambil tindakan selanjutnya.
- f) Semua laporan pemberian maklumat yang diterima akan disalurkan kepada CRMD untuk diproses dan dilaporkan ke Jabatan Integriti TNB untuk siasatan lanjut.
- g) Semua kebimbangan yang timbul melalui saluran pemberian maklumat hendaklah dinilai, diuruskan dan disiasat dengan cara yang adil dan betul oleh Jabatan Integriti TNB.
- h) Jabatan Integriti TNB boleh memutuskan untuk menutup kes yang kekurangan bukti material, terutamanya laporan yang berasal daripada sumber tanpa nama dan maklumat lanjut tidak dapat diperoleh.
- i) Jika terdapat bukti yang mencukupi bahawa peristiwa rasuah telah berlaku dan butiran perhubungandiberikan, pendedah maklumat akan dinasihatkan supaya melaporkan peristiwa tersebut terus kepada SPRM untuk mendapatkan perlindungan bagi pendedah maklumat secara rasmi.
- j) Sebaik sahaja memperoleh maklumat yang mencukupi melalui penyiasatan Jabatan Integriti TNB yang menunjukkan kejadian rasuah telah berlaku, hal ini hendaklah dilaporkan kepada

SPRM oleh Jabatan Integriti TNB. Siasatan Domestik TNB Genco hendaklah dijalankan oleh Jabatan Integriti TNB secara berasingan daripada mana-mana penyiasatan SPRM.

- k) Jabatan Integriti TNB akan mengemaskini perkembangan kes dari semasa ke semasa kepada CRMD.

## **7.2 Perlindungan tanpanama**

- a) Identiti semua pendedah maklumat hendaklah dilindungi melalui semua cara yang boleh.
- b) Hanya pengarah dan Kakitangan TNB Genco yang berikut diberi kuasa untuk mengakses butiran penuh (termasuk maklumat berkaitan identiti pendedah maklumat) laporan pendedah maklumat:
  - i. CRMD – CF (Sekretariat)
  - ii. Pegawai integriti TNB Genco (IO)
  - iii. Pengerusi BARC
- c) Jika laporan dirujuk kepada mana-mana orang di atas, orang yang terbabit tidak boleh mengakses laporan tersebut. Dalam hal ini atau jika perlu, pihak ketiga (contohnya, Jabatan Integriti TNB) mungkin terlibat untuk mengendalikan isu ini.
- d) Melainkan pendedah maklumat bersetuju sebaliknya secara bertulis, semua laporan lanjut tidak akan memasukkan butiran diri pendedah maklumat. Jika perlu memasukkan rujukan tentang pendedah maklumat, nama samaran yang tidak berkaitan dengan pendedah maklumat mestilah digunakan. Contohnya, 'Encik X' atau 'Cik M'.
- e) Sesiapa yang mendedahkan identiti pendedah maklumat sebelum mendapatkan persetujuan daripada pendedah maklumat akan dikenakan tindakan tatatertib, termasuk tetapi tidak terhad kepada penamatan kontrak atau pembuangan jawatan pengarah. Pengecualian diberikan jika maklumat diminta oleh badan penguatkuasaan Kerajaan atau pihak berkuasa yang serupa dibawah syarat waran.

## **7.3 Jaminan dan perlindungan terhadap tindakan balas**

- a) Pendedah maklumat tidak akan menerima tindakan balas bagi laporan yang diberikan secara jujur, contohnya laporan tidak dibuat terutamanya dengan niat jahat untuk menjatuhkan orang lain atau organisasi. Perlindungan tersebut diberikan walaupun penyiasatan kemudiannya mendedahkan bahawa pemberi maklumat tersilap berhubung dengan fakta, peraturan dan prosedur yang terlibat.
- b) Sesiapa yang melakukan tindakan balas terhadap pendedah maklumat akan dikenakan tindakan tatatertib termasuk penamatan pekerjaan, penurunan pangkat atau tebus rugi undang-undang yang lain.
- c) Pendedah maklumat atau mana-mana orang yang berkaitan atau dikaitkan dengan pendedah maklumat yang takut atau telah mengalami tindakan yang memudaratkan berpunca daripada tindakan memberikan maklumat boleh:
  - i. Melaporkan peristiwa tersebut kepada IO atau Pengerusi BARC.
  - ii. Memohon untuk berpindah tempat kerja dilokasi lain. Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada IO atau Pengerusi BARC.
- d) Jika permohonan didapati munasabah, IO atau Pengerusi BARC hendaklah memberikan kebenaran untuk berpindah secepat mungkin.



#### **7.4 Laporan kejadian kepada pihak dalam dan luar**

- a) Tiada butiran diri pendedah maklumat yang perlu didedahkan dalam mana-mana laporan melainkan dengan kebenaran bertulis diberikan terlebih dahulu oleh pendedah maklumat. Jika perlu memasukkan rujukan tentang pendedah maklumat, nama samaran yang tidak berkaitan dengan pendedah maklumat mestilah digunakan. Contohnya, 'Encik X' atau 'Cik M.
- b) Laporan akan diberikan kepada pihak TNB Genco yang berikut, dan mestilah dalam bentuk salinan cetak sahaja:
  - i. Pengurusan Tertinggi TNB Genco
  - ii. Lembaga Jawatankuasa Audit dan Risiko (BARC)
  - iii. CRMD – CF (Sekretariat)
  - iv. Kakitangan yang terlibat dalam prosiding perbicaraan tatatertib berkaitan dengan kes
  - v. Mana-mana pihak lain yang telah dipersetujui dan mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada IO atau Pengerusi BARC
- c) Laporan hanya akan disusun oleh CRMD dan disemak oleh IO sebelum dicetak dan diedarkan untuk memastikan tiada butiran diri yang didedahkan.
- d) Laporan kepada pihak berkuasa Kerajaan akan dibuat oleh CRMD, dengan kelulusan IO. Lihat bahagian *Kejadian rasuah berserta bukti* di bawah.

#### **7.5 Penyimpanan maklumat**

- a) Semua maklumat yang disimpan secara elektronik mestilah dilindungi kata kunci dengan akses dihadkan berdasarkan perkara perlu tahu sahaja.
- b) Semua salinan cetak mestilah disimpan di tempat yang selamat dengan akses dihadkan berdasarkan perkara perlu tahu sahaja.
- c) Hanya CF, IO dan Pengerusi BARC mempunyai akses kepada maklumat yang mengandungi butiran pendedah maklumat.

#### **7.6 Laporan palsu atau laporan dengan niat jahat**

Syarikat akan mengambil tindakan tatatertib terhadap mana-mana pendedah maklumat yang diketahui membuat laporan palsu. Tindakan tatatertib termasuklah penamatan pekerjaan, penurunan pangkat atau tebus rugi undang-undang yang lain.

#### **7.7 Laporan kepada badan luar**

Kakitangan TNB Genco hendaklah menggunakan saluran pelaporan dalaman yang ditetapkan oleh TNB Genco untuk melaporkan isu yang dibimbangi. Kakitangan tidak sewajarnya mendedahkan kebimbangan mereka kepada pihak luar melainkan mereka telah mematuhi sepenuhnya prosedur syarikat terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, TNB Genco mengakui bahawa kadang kala mungkin terdapat isu yang sangat serius yang membenarkan pelaporan kepada badan luar. Pendedahan ini mestilah dibuat secara jujur, tanpa niat jahat dan tidak dibuat untuk tujuan kepentingan peribadi.

#### **7.8 Halangan Penyiasatan**

Mana-mana orang yang menghalang penyiasatan ke atas laporan pemberian maklumat akan dikenakan tindakan tatatertib, termasuklah penamatan pekerjaan, penurunan pangkat atau tebus rugi undang-undang yang lain.

## **7.9 Skala masa bagi pemprosesan laporan**

TNB Genco hendaklah berusaha untuk memenuhi standard antarabangsa berhubung dengan skala masa apabila memproses laporan.

## **7.10 Memberikan kemas kini kepada pendedah maklumat**

Apabila butiran perhubungan diberikan oleh pendedah maklumat, CRMD hendaklah memaklumkan perkembangan kes kepada pendedah maklumat dari semasa ke semasa.

## **7.11 Kejadian rasuah dengan bukti**

- a) IO hendaklah memutuskan sama ada ingin memanjangkan laporan yang diterima kepada SPRM atau tidak. Laporan yang memasukkan perkara di bawah hendaklah dihantar kepada SPRM:
  - i. Bukti material kejadian sogokan atau rasuah
  - ii. Butiran tertentu bagi transaksi
  - iii. Nama individu tertentu
  - iv. Maklumat lain yang dianggap penting oleh IO
- b) Semua pelaporan kepada SPRM mestilah dibuat secepat mungkin, sebaik sahaja kematerialan kes telah dibuktikan.
- c) Pengerusi BARC juga boleh memilih untuk memanjangkan laporan tidak berasas kepada SPRM.

## **7.12 Maklumat lanjut**

Maklumat lanjut termasuk nasihat tentang tindakan yang perlu dilakukan jika berhadapan dengan kebimbangan atau situasi yang melibatkan amalan salah, boleh didapati dengan menghubungi CRMD, atau di laman yang berkaitan di intranet (untuk Kakitangan TNB Genco), atau laman web syarikat (untuk pihak luar).

## **8. Keutamaan dasar**

Berhubung dengan perlindungan identiti bagi pendedah maklumat, Dasar Pemberian Maklumat ini hendaklah diberikan keutamaan berbanding dasar, bidang tugas dan dokumentasi TNB Genco lain yang terdahulu yang juga memberikan hak mengakses maklumat ini kepada Kakitangan TNB Genco dan BOD.

## **9. Hukuman bagi ketakpatuhan**

TNB Genco memandang serius tentang pemberian maklumat dan akan mengenakan hukuman jika berlaku pelanggaran terhadap dasar ini. Bagi Kakitangan TNB Genco, ketakpatuhan akan menyebabkan tindakan tatatertib diambil, sehingga dan termasuk penamatan pekerjaan. Tindakan undang-undang selanjutnya juga boleh diambil jika kepentingan TNB Genco terjejas akibat ketakpatuhan oleh individu dan organisasi.

## **10. Penepian**

Apa-apa penyimpangan daripada atau penepian terhadap dasar ini hendaklah diluluskan oleh MD atau BARC.

## **11. Semakan & Pemeriksaan**

- 11.1 CRMD hendaklah mengemukakan ringkasan bagi laporan pemberian maklumat yang diterima di setiap mesyuarat Pengurusan Tertinggi TNB Genco sekurangnya setahun sekali.
- 11.2 Ringkasan kejadian pemberian maklumat dan keputusannya akan dilaporkan kepada BARC untuk pemakluman sekali setahun.
- 11.3 CRMD akan menyemak kesesuaian dasar ini dari semasa ke semasa.